

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Buka sempadan selepas Rt turun, keadaan terkawal

Pelbagai aspek akan dinilai bagi menjamin keselamatan semua pihak

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Masih terlalu awal untuk menganggap Malaysia sudah melepasi kemuncak penularan varian Omicron, walaupun kadar kebolehhajangan atau R-naught (Rt) COVID-19 mencatat penurunan ketika ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata pembukaan semula sempadan negara hanya akan dilakukan sepenuhnya jika kadar Rt mencatat trend penurunan dengan keadaan terkawal yang berterusan.

"Nilai harian Rt kini terus menurun kepada 1.05, (namun) terlalu awal untuk menyatakan bahawa kita sudah melepasi kemuncak Omicron.

"Sebanyak 96 peratus kes aktif COVID-19 pulih di rumah dan

kapasiti hospital berada dalam keadaan terkawal.

"Jika trend berterusan, pembukaan semula sempadan yang sepenuhnya serta langkah domestik lebih longgar bakal menyusul. #ReopeningSafely," katanya dalam ciapan melalui Twitter, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Khairy berkata, tarikh bagi pembukaan semula sempadan negara sudah ditetapkan, namun perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Majlis Pemulihan Negara (MPN) turut dilapor mengesyorkan kerajaan membuka semula sempadan negara pada hari ini, namun Ismail Sabri memaklumkan Kementerian Kesihatan (KKM) memerlukan masa untuk meneliti prosedur operasi standard (SOP).

Kerajaan menutup sempadan negara pada 18 Mac 2020, dua bulan selepas negara merekodkan kes pertama COVID-19.

Sementara itu Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor His-

ham Abdullah, dalam ciapan berasingan pula kongsi data nilai Rt bagi semua negeri.

Berdasarkan maklumat itu, hanya Johor berada di bawah nilai Rt kebangsaan dengan kadar 1.00, manakala Perak pula mendahului dengan 1.32.

Seterusnya, Labuan (1.27); Sarawak (1.24); Terengganu (1.22); Perlis (1.21); Negeri Sembilan (1.17); dan Pahang (1.15).

Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur (masing-masing 1.13); Kedah (1.11); Kelantan dan Melaka (masing-masing 1.08), serta Sabah (1.07).

Dalam pada itu, Perak muncul negeri terkini yang mencatat penggunaan lebih 50 peratus katil bagi kes kritikal COVID-19 di Unit Rawatan Rapi (ICU), kelmarin.

Dr Noor Hisham berkata, perkembangan itu membawa kepada jumlah enam negeri, kelmarin, berbanding lima pada Sabtu lalu.

Beliau berkata, Kelantan masih mendahului dengan merekod-



Khairy Jamaluddin



Petugas perubatan memberikan suntikan dos penggalak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Dewan Ang Si Chong, di Butterworth, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

kan 94 peratus penggunaan katil itu, diikuti Johor (69 peratus), Putrajaya (67 peratus), Kuala Lumpur (62 peratus), Perak (58 peratus) dan Melaka (58 peratus).

"Bagi katil bukan ICU, dua negeri mencatat penggunaan melebihi 100 peratus, iaitu Kelantan dan Selangor.

"Kelantan merekodkan 108 peratus yang mana sebanyak 439 katil diperuntukkan tetapi penggunaannya kini meningkat kepada 479 katil.

"Di Selangor yang mencatat 101 peratus pula, sebanyak 1,322 katil disediakan tetapi penggunaan telah mencecah 1,336 katil," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 95 peratus penggunaan katil bukan ICU dicatatkan di Putrajaya, disusuli Kuala Lum-

pur (94 peratus) dan Perak (87 peratus).

Seterusnya, Perlis (74 peratus), Johor (70 peratus), Pahang (66 peratus), Sabah (60 peratus), Pulau Pinang (60 peratus), Terengganu (57 peratus) dan Sarawak (56 peratus).

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, hanya Melaka mencatat penggunaan lebih 50 peratus katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), dengan 55 peratus.

"Dalam pada itu, penggunaan alat bantuan pernafasan bagi kes COVID-19 meningkat kepada tujuh peratus membabitkan 193 pesakit.

"Penggunaan keseluruhan alat bantuan pernafasan adalah sebanyak 35 peratus meliputi untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19," katanya.



VTL darat membabitkan Stesen Bas Queen Street, Singapura, ke Terminal Larkin Sentral, mula dilaksana pada 29 November lalu, dengan kuota 1,440 individu pada minggu pertama. (Foto hiasan)

## Johor bersedia ke fasa endemik secepat mungkin

**Kulai:** Johor bersedia untuk melangkah ke fasa endemik secepat mungkin bagi membolehkan pembukaan sempadan Malaysia-Singapura diperluaskan.

Menteri Besar, Datuk Seri Hasni Mohammad, berkata peningkatan jumlah peratusan individu sudah mendapat dos penggalak, menjadi indikator kerajaan sudah bersedia melangkah ke fasa endemik.

Beliau berkata, melihat perkembangan positif itu, kerajaan juga wajar menambah kuota pengembara kedua-dua negara melalui inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) darat.

"Saya mendapat petunjuk daripada Kerajaan Pusat bahawa bilangan jumlah pengembara

yang menggunakan VTL darat sedang dikaji dari semasa ke semasa.

"Ia adalah usaha berterusan secara bersama antara Kerajaan Pusat dengan Singapura bagi menambah bilangan pengembara menggunakan inisiatif berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Kepimpinan Pusat Sahabat Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Johor 2022, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan AIM, Mohamed Shamir Abd Aziz, dan Timbalan Pengerusi AIM, Mohd Najib Mohd Noor.

Skim VTL darat dan udara Malaysia-Singapura mula dilaksa-

nakan pada 29 November lalu, dengan kuota 1,440 individu pada minggu pertama.

VTL darat membabitkan Stesen Bas Queen Street, Singapura, ke Terminal Larkin Sentral dekat sini, manakala VTL udara antara Lapangan Terbang Changi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kuota penggunaan VTL darat dikurangkan hingga 50 peratus pada Januari lalu berikutan penularan varian Omicron.

Isu VTL darat dan pembukaan semula sempadan menjadi antara isu dibangkitkan oleh parti politik pada kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor, ketika ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kelantan negeri terendah dapat dos penggalak vaksin

Kemasukan pesakit meningkat, penggunaan katil ICU 94 peratus

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kelantan menjadi negeri yang mencatat peratusan terendah jumlah penerima dos penggalak vaksin COVID-19, iaitu sekitar 22.7 peratus daripada keseluruhan populasi dewasanya.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata perkara itu merunsingkan pihaknya, terutama apabila Unit Rawatan Rapi (ICU) di negeri berkenaan semakin penuh.

"Loloni Kelate paling rendah skali ambil booster (Ketika ini, Kelantan paling rendah mengambil dos penggalak).

"Ambo (saya) rusing, ICU sana koho-penuh (ICU sana semakin penuh). Ambo mitok sangat puok kita di Kelate pakat cocok vaksin & booster (Saya minta sangat rakyat Kelantan mendapatkan suntikan vaksin dan dos penggalak).

"Kementerian Kesihatan (KKM) saye ore Kelate, pakat gi cocok deh (KKM sayang orang Kelantan, tolong pergi cucuk (vaksin)," katanya dalam ciapan di Twitter.

Berdasarkan data dalam COVIDNOW, Kelantan secara keseluruhan merekodkan pemberian sebanyak 2,298,896 dos vaksin COVID-19.



Petugas perubatan memberikan suntikan dos penggalak kepada penerima di PPV Offsite Dewan Ang Si Chong, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

Daripada jumlah itu, 1,005,200 sudah lengkap vaksinasi dan 1,020,322 menerima sekurang-kurangnya satu dos, manakala hanya 281,219 mendapat dos penggalak.

Selain itu, Kelantan kini mencatat 94 peratus penggunaan katil ICU, dan melebihi 100 peratus bagi penggunaan katil bukan ICU.

Sementara itu, sebanyak 23.8 peratus atau 846,486 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin berkenaan.

Menurut laman web COVID-NOW, angka harian vaksin yang diberi kelmarin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) adalah sebanyak 40,588 dos.

Bagi pemberian vaksin kepada golongan remaja berusia 12 hingga 17 tahun hingga kini pula, 2,894,898 (93 peratus) sudah mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos, dan 2,800,661 (90 peratus) lengkap dua dos.

Seramai 14,578,408 (62 peratus) populasi dewasa telah menerima dos penggalak, manakala 22,948,424 (97.5 peratus) lengkap imunisasi.

Secara keseluruhan, sebanyak 101,136 dos vaksin diberi, kelmarin, membabitkan 42,144 dos pertama, dos kedua (537) dan dos penggalak (58,455). Ia menjadikan jumlah keseluruhan pemberian vaksin di negara ini adalah sebanyak 67,089,834 dos.

Dalam perkembangan lain, Malaysia merekodkan 40 kematian baharu akibat COVID-19, kelmarin, menjadikan jumlahnya kini memecah 32,674 kes.

Kematian baharu itu meliputi lapan kes di Kedah; Pulau Pinang dan Johor (masing-masing lima); Perak dan Sabah (masing-masing empat kes); serta Kelantan dan Pahang (masing-masing tiga).

Seterusnya, Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka (masing-masing dua); serta Negeri Sembilan dan Terengganu (masing-masing satu).

Sebanyak 17 kes kematian terbahit dilaporkan di luar fasiliti kesihatan (BID), iaitu empat di Kedah; Sabah (tiga); Johor, Kelantan dan Selangor (masing-masing dua); serta Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu (masing-masing satu). Ia membawa kepada jumlah 6,690 kes BID.

# Kanak-kanak perlu divaksinasi elak sindrom MISC

**Kuala Lumpur:** Kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun perlu dilindungi dengan vaksinasi berikutan kumpulan usia itu didapati lebih cenderung kepada sindrom keradangan pelbagai sistem dalam kanak-kanak (MISC) yang berupaya menyebabkan kematian jika dijangkiti COVID-19.

Syor itu dipersetujui ramai kalangan pakar perubatan yang mempunyai kepakaran berbeza, selain turut menggesa kanak-kanak pernah dijangkiti supaya mendapatkan perlindungan yang secepat mungkin.

Pakar Perunding Pediatrik dan Neonatologi, Datuk Dr Musa Mohd Nordin berkata ibu bapa tidak perlu bimbang kesan selepas vaksin kerana vaksin yang diluluskan kegunaannya sudah melepasi kajian dan mempunyai peratus keberkesanan tinggi.

"Vaksin perlu diberikan kepada kanak-kanak kerana dalam keadaan sekarang, jumlah jangkitan terhadap golongan ini amat membimbangkan dan jika dilihat kepada pesakit dewasa, mereka yang dirawat menunjukkan kadar kesembuhan tinggi bagi yang mendapat suntikan vaksin.

"Saya mempunyai cucu yang dijangkiti teruk dengan COVID-19 di Oman, namun negara itu tidak meluluskan lagi penggunaan vaksin kepada kanak-kanak," katanya.

Beliau antara panel sesi webinar 'COVID-19: Patutkah anda vaksin anak anda?' anjuran Immunise4Life, yang turut menampilkan Pakar Pediatrik dan Kardiologi, Datuk Dr Zul-kifli Ismail, sebagai pengacara.

Ahli panel lain ialah Pakar Perunding Kanan Pediatrik (Komuniti), Datuk Dr Amar Singh HSS; Pakar Perunding

Unit Rawatan Rapi (ICU) Pediatrik, Hospital UTM dan Hospital Selayang, Prof Madya Dr Anis Siham Zainal Abidin; dan Pakar Perunding Pediatrik, Dr Fong Siew May.

"Dr Musa berkata, kajian global mengesahkan, vaksin COVID-19 tidak menjejaskan sistem reproduktif, mengakibatkan keguguran yang sering menjadi penyebab seseorang tidak mahu divaksinasi.

"Kesan sampingan vaksin ini boleh dikatakan sangat rendah, jadi ibu bapa perlu memainkan peranan membenarkan anak mereka divaksinasi kerana mereka adalah pihak memberikan kebenaran untuk tujuan itu," katanya.

Sementara itu, Dr Anis Siham berkata, keadaan dalam ICU tahun lalu amat teruk dan keadaan sekarang jauh lebih baik berikutan program

vaksinasi negara sangat baik.

"Vaksin perlu diambil segera untuk mengelakkan sindrom MISC kerana ia berisiko menjadikan keadaan teruk dan sangat tenat, mengurangkan denyutan jantung serta keadaan kini ramai mendapat jangkitan berulang, jadi vaksin amat diperlukan," katanya.

Bagi Dr Fong yang menjawab pertanyaan mengenai vaksin Sinovac, berkata garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM) sangat jelas kerana Sinovac belum lagi mempunyai data mencukupi, malah ia dipersetujui Dr Musa bahawa vaksin itu tidak mencatat peratus keberkesanan tinggi.

Sementara itu, Dr Amar menegaskan kanak-kanak yang disyorkan mendapatkan vaksin, perlu segera berbuat demikian, selain pada masa sama perlu memakai pelitup muka yang selamat dan menambah baik sistem pengudaraan.



Musa Mohd Nordin

# Ketetapan solat Jumaat dapat perkenan Sultan Selangor

**Shah Alam:** Ketetapan terkini solat Jumaat di Selangor yang dikeluarkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) baru-baru ini, sudah mendapat perkenan Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam, Mohd Zawawi Mughni, berkata perkenan itu adalah keprihatinan baginda un-

tuk mengelakkan jangkitan COVID-19 selepas mendapat nasihat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor berikutan perkembangan terkini pandemik di negeri itu.

"Kerajaan negeri prihatin dengan keulahan dan rungutan umat Islam di Selangor yang tidak dapat menunaikan solat Jumaat pada 25 Februari lalu berikutan belum menerima

dos penggalak.

"Kerajaan negeri menegakan ketetapan itu berdasarkan perkenan Sultan Selangor melalui surat arahan JAIS nombor rujukan JALSEL.BPM/01/006/2.JLD.6(13), bertarikh 21 Februari 2022, bertajuk, Arahan Meningkatkan Penguatkuasaan Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di Masjid, Surau

dan Musolla Negeri Bagi Mengawal Pandemi COVID-19.

"Pendekatan menggalakkan rakyat negeri ini mengambil dos penggalak adalah bertepatan dengan satu daripada prinsip Maqasid Syariah iaitu memelihara nyawa," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Zawawi berkata, kerajaan negeri amat prihatin terhadap

kesihatan dan kemakmuran rakyat jelata dan sentiasa berusaha mengambil tindakan terbaik untuk mencapai maksud itu.

"Kerajaan juga yakin bahawa perkenan Sultan Selangor mewajibkan pengambilan dos penggalak bagi menyertai solat Jumaat di masjid adalah berasaskan konsep Fiqhiyyah, iaitu sadd adz-dzara'i," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : WANITA &amp; KELUARGA

## Kanak-kanak ceria di Pusat Perubatan Sunway

**Kuala Lumpur:** Pusat Perubatan Sunway, Sunway City menceria-kan kanak-kanak berusia 5 sehingga 11 tahun yang mendapatkan suntikan di pusat itu dengan pelbagai perhiasan menarik selain turut menyediakan 400 kit penjagaan khas kepada mereka.

Usaha itu membuatkan ibu bapa yang hadir membawa anak mereka terkejut dengan persiapan sedemikian termasuk pemberian kit penjagaan khas yang mengandungi pelitup muka, pembasmi kuman, pembalut luka dan mesej yang dapat menaikkan semangat mereka.

Pengarah Kesihatan Bersekutu dan Ketua Program Vaksin COVID-19 Pusat Perubatan Sunway, Sherry Woo, berkata pihaknya teruja dan mengalu-alukan kedatangan kanak-kanak berusia 5 sehingga 11 tahun mendapatkan suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKIDS).

Katanya, sebagai seorang ibu dia memahami perasaan gemuruh anak yang mahu mendapatkan suntikan itu.

"Oleh itu pihak kami membuat

keputusan menghiaskan kawasan tempat pemberian vaksin dengan menjadikannya mesra kanak-kanak dan lebih penting, membuatkan mereka kurang gemuruh.

"Kami bangga dengan keberanian kanak-kanak ini dan tidak sabar berjumpa mereka untuk menerima dos kedua lapan minggu lagi," katanya.

Turut menceria-kan suasana adalah penampilan maskot hospital, Elfy yang tampil bersama Bellabot iaitu robot yang membuat penghantaran ke wad kanak-kanak.

Selain itu, kanak-kanak turut diberikan sijil vaksinasi yang direka khas dengan pelekat Elfy.

Sementara itu, Fauziah Ismail yang membawa dua anaknya mendapatkan suntikan vaksin berkata, sebelum ini dia dan suami, Derek Alphonso turut mendapatkan suntikan di situ dan gembira dengan perkhidmatan yang diberikan.

"Sebagai ibu bapa kami berasa lega apabila anak sudah mendapatkan suntikan vaksinasi kerana percaya mereka kini dilindungi sekali gus dapat mengu-



Fauziah dan Derek membawa dua anak mereka, Ayden dan Aleena untuk mendapatkan vaksinasi di Pusat Perubatan Sunway, Sunway City.

rangkan kebimbangan terhadap virus COVID-19," katanya.

Dua anak pasangan itu, Ayden, 9, dan Aleena, 11, berkata mereka sangat teruja apabila dimaklumkan akan mendapatkan suntikan vaksin.

"Kami juga gembira apabila dapat keluar rumah kerana sebelum ini kami tidak dibenarkan berbuat demikian," katanya.

Ditanya pula sama ada sakit

apabila disuntik vaksin, anak kepada Tang Chee Chung, Lucas, 7, dengan pantas menggelengkan kepalanya.

Cheng Chung berkata, anak keduanya itu teruja selepas dimaklumkan akan menerima suntikan vaksin.

Pengarah Kesihatan yang juga Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Perubatan Sunway, Dr Seow Vei Ken, berkata pihak-

nya mengalu-alukan kedatangan ibu bapa dan anak mereka dalam usaha meningkatkan perkhidmatan untuk golongan wanita dan kanak-kanak di pusat itu.

Katanya, dengan penambahan tiga lagi menara, pihaknya akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik selain melancarkan lebih banyak perkhidmatan kelas pertama secara berperingkat.

Ketika ini Pusat Perubatan Sunway memberikan 400 dos vaksinasi kanak-kanak pada setiap hari Khamis dan Jumaat dan setakat ini, pemberian vaksin itu adalah temu janji melalui aplikasi MySejahtera sahaja.

Selain pemberian vaksinasi COVID-19 untuk kanak-kanak, hospital terus memberikan suntikan dos penggalak kepada golongan dewasa pada setiap hari Isnin dan Selasa.

Pusat Perubatan Sunway terlibat dengan Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sejak 2021 dan sehingga kini sudah memberikan lebih 350,000 dos untuk membantu melindungi negara daripada COVID-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

KHAIRY  
Jamaluddin

# Kadar Rt kini turun 1.05

*Terlalu awal menyatakan Malaysia sudah lepassi kemuncak jangkitan Omicron*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pembukaan sempadan akan dibuat sepenuhnya sekiranya kadar kebolehjangkitan atau R-naught (Rt) terus menunjukkan trend penurunan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kadar Rt kini dilihat turun secara berterusan dan

kini berada di tahap 1.05.

"(Nilai) Rt harian kini menurun berterusan namun terlalu awal untuk mengatakan kita melepasi puncak Omicron. Sebanyak 96 peratus kes aktif Covid-19 pulih di rumah dan kapasiti perkhidmatan di hospital dalam keadaan terkawal.

"Jika trend berterusan, pembukaan sempadan sepenuhnya dan langkah domestik lebih santai akan dilakukan

#ReopeningSafely," katanya dalam ciapan di Twitter, semalam.

Sebelum ini, Khairy dalam sidang medianya memaklumkan tarikh pembukaan sempadan negara sudah ditetapkan namun perkara itu akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri.

Malah, Majlis Pemulihan Negara (MPN) turut mengesyorkan kerajaan membuka pintu sempadan pada 1 Mac namun

Ismail Sabri dilapor berkata, ia tidak berlaku kerana Kementerian Kesihatan (KKM) memerlukan masa meneliti prosedur operasi standard (SOP).

Penutupan sempadan dibuat kerajaan pada 18 Mac 2020, dua bulan selepas negara merekodkan kes pertama Covid-19.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam ciapan lain turut berkongsi data nilai Rt di semua negeri, menerusi data berkenaan hanya Johor berada di bawah nilai Rt negara iaitu pada kadar 1.00.

Sebanyak 96 peratus kes aktif Covid-19 pulih di rumah

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 24,466 kes baharu Covid-19 direkodkan di negara ini kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu meningkat kepada 3,419,636 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 246 kes daripada keseluruhan kes harian yang dilaporkan itu adalah kes import.

Beliau berkata, 24,361 kes atau 99.57 peratus terdiri daripada pesakit positif kategori satu dan dua manakala 105 kes atau 0.43 peratus lagi pesakit kategori tiga hingga lima.

"Berdasarkan pecahan kes kategori tiga hingga lima, 25 kes tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, menerima dua dos vaksin (56 kes) dan sudah menerima dos penggalak (24 kes).

"Pesakit kategori berkenaan juga adalah dalam kalangan berusia 60 tahun ke atas (53 kes) dan mempunyai komorbid (36 kes)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 353 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi

## Jumlah keseluruhan meningkat 3,419,636 kes



ORANG ramai menunggu giliran untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 dos penggalak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Dewan Ang Si Chong, Butterworth, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

24,466

Jumlah kes baharu Covid-19 direkodkan kelmarin

(ICU) membabitkan 146 kes disahkan Covid-19 manakala 207 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

Katanya, kes yang memerlukan bantuan pernafasan pula 193 kes iaitu 86 kes disahkan Covid-19 dan 107 kes disyaki, kemungkinan serta dalam siasatan.

"Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 22,380 kes sembuh Covid-19 semalam (kelmarin), menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 3,085,940 kes iaitu 90.2 peratus daripada keseluruhan kes," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, lima kluster baharu dikesan, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kluster meningkat kepada 6,779 dengan 484 kluster aktif.

## 40 kematian Covid-19 direkodkan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 846,486 individu atau 23.8 peratus daripada populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, sejumlah 14,578,408 atau 62.0 peratus populasi dewasa di dalam negara pula sudah menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,948,424 atau 97.5 peratus

lengkap vaksinasi manakala 23,228,204 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,800,661 individu atau 90 peratus daripada kumpulan berkenaan sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,894,898 atau 93 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 101,136 dos vaksin sudah diberikan kelmarin membabitkan 42,144 suntikan dos pertama, 537 suntikan dos lengkap dan

58,455 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini meningkat kepada 67,089,834 dos.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 40 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Kedah mencatatkan lapan kes, diikuti Johor dan Pulau Pinang masing-masing lima kes, masing-masing empat kes di Perak dan Sabah, tiga kes masing-masing di Kelantan serta Pahang.



SU Yong Xiang (kiri) dan SU Yong Hao melakukan proses Nasopharyngeal Swab ujian Covid-19 pada program Virus Hunter (pemburu virus) di Penang Science Cluster (PSC), semalam. Program terbahari diwujudkan PSC dengan sokongan kedutaan Amerika Syarikat. Ia merupakan sumber berharga untuk belia Malaysia belajar berkaitan penyakit berjangkit, pembangunan vaksin dan mewujudkan kesedaran mengenai laluan kerjaya yang berpotensi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

DOS PENGGALAK UNTUK SOLAT JUMAAT

# Dapat perkenan Sultan Selangor

Bernama

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bertarikh 21 Februari lalu.

"Surat arahan itu bertajuk Arahan Mempertingkatkan Penguatkuasaan Pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) di Masjid, Surau Dan Musolla Negeri Bagi Mengawal Pandemik Covid-19.

"Sesungguhnya perkenan ini adalah keprihatinan Baginda untuk mengelakkan jangkitan pandemik Covid-19 selepas mendapat nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor berikutan perkembangan terkini jangkitan pandemik berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Shah Alam

Kerajaan Selangor menegaskan ketetapan membenarkan hanya individu yang sudah mengambil dos penggalak Covid-19 mendirikan solat fardu Jumaat adalah berdasarkan perkenan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pengerusi Jawatankuasa negeri Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Penggunaan dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, perkenan daripada Sultan Selangor itu adalah melalui surat arahan



Sesungguhnya perkenan ini adalah keprihatinan Baginda untuk mengelakkan jangkitan pandemik Covid-19 selepas mendapat nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor berikutan perkembangan terkini jangkitan pandemik berkenaan"

Mohd Zawawi Ahmad Mughni



Menurut beliau, pendekatan menggalakkan rakyat di negeri ini mengambil dos penggalak adalah bertepatan dengan salah satu prinsip Maqasid Syariah iaitu memelihara nyawa dan kerajaan negeri amat prihatin terhadap kesihatan serta kemakmuran rakyat serta sentiasa berusaha mengambil tindakan terbaik untuk mencapai maksud itu.

"Kerajaan juga yakin bahawa perkenan

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mewajibkan pengambilan dos penggalak bagi menyertai solat fardu Jumaat di masjid adalah berasaskan konsep Fiqhiyyah, iaitu sadd adz-dzara'i.

"Konsep ini bermaksud mencegah sesuatu perkara yang boleh membawa ke arah kerosakan dan bahaya," katanya.

Mohd Zawawi turut menasihatkan rakyat Selangor agar segera mengambil dos penggalak vaksin Covid-19 di pusat pemberian vaksin berhampiran bagi memastikan kesihatan diri sendiri, keluarga dan kepentingan awam.

## Dua mangsa bah positif Covid-19

Kuala Lumpur: Dua kes Covid-19 dikenal pasti dalam kalangan mangsa banjir di Terengganu dengan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes-kes Covid-19 yang dilaporkan dikenal pasti dan diasingkan daripada mangsa banjir yang lain di pusat pemindahan sementara (PPS) khas.

Beliau berkata, tiada kluster dalam kalangan mangsa banjir dilaporkan di PPS.

"Sebanyak 54 pusat pemindahan sementara (PPS) membabitkan 15 daerah dibuka dengan jumlah mangsa sebanyak 9,741 orang.

"Bilik gerakan banjir di kedua-dua negeri sudah diaktifkan pada 26 Februari (Sabtu lalu)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat tujuh kes kejangkitan saluran pernafasan akut (ARI) dan satu kes penyakit kulit dilaporkan se-



DR Noor Hisham

takat kelmarin.

Katanya, tiada kes konjunktivitis, typhoid, kolera, leptospirosis dan denggi dilaporkan.

"Selain itu, dua fasiliti kesihatan di Terengganu terjejas banjir tahap 1 iaitu Klinik Kesihatan (KK) Wakaf Tapai, Marang dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Nerus.

"Bagaimanapun, kedua-dua fasiliti terbabit dilaporkan masih beroperasi seperti biasa," katanya.



PETUGAS perubatan memberikan suntikan vaksin Covid-19 dos pertama kepada kanak-kanak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Kuala Lumpur: Enam negeri merekodkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi merawat pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus.

Kelantan kekal mencatatkan rekod tertinggi dengan 94 peratus penggunaan katil di ICU sehingga kini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Jo-

## Enam negeri guna katil ICU lebih 50%

hor merekodkan penggunaan katil ICU sebanyak 69 peratus diikuti Putrajaya (67 peratus), Kuala Lumpur (62 peratus), Perak dan Melaka masing-masing 58 peratus. Bagi katil bukan ICU, terdapat 12 negeri merekodkan penggunaan katil melebihi

50 peratus.

"Negeri berkenaan adalah Kelantan 108 peratus, Selangor (101 peratus), Putrajaya (95 peratus), Kua-

la Lumpur (94 peratus), Perak (87 peratus) dan Perlis (74 peratus).

"Selain itu, Johor (70 peratus), Pahang (66 peratus), Sabah

dan Pulau Pinang 60 peratus, Terengganu (57 peratus) serta Sarawak (56 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hanya satu negeri iaitu Melaka menunjukkan peratusan pengisian lebih 50 pe-

ratus bagi katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Menurutnya, pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) pula meningkat kepada 193 pesakit dan peratusan penggunaan bantuan itu adalah 35 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19.

Kelantan kekal catat rekod tertinggi guna katil ICU dengan 94 peratus

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

## Kuala Lumpur

**P**eralihan Malaysia menuju ke fasa endemik Covid-19 perlu dilaksanakan secara berhati-hati, titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Seri Paduka bertitah, Malaysia berada di kedudukan ke-13 daripada 122 negara dalam indeks pemulihan Covid-19 Nikkei Asia dan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berjaya mencapai liputan vaksinasi lengkap sehingga 98 peratus populasi dewasa.

Titah Seri Paduka, sebagai langkah pertahanan menghadapi penularan varian baharu, rakyat diseru mendapatkan dos penggalak vaksin Covid-19.

"Bagi memastikan imuniti kekal pada tahap optimum dan sebagai benteng dalam menghadapi varian baharu, beta menyeru agar rakyat beta untuk mendapatkan dos penggalak menerusi program yang sedang dilaksanakan kerajaan.

"Walaupun negara kini semakin bersedia untuk beralih ke fasa endemik, beta berharap agar peralihan ini dilaksanakan secara berhati-hati," titah Seri Paduka pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-14, di De-



“Beta berharap agar peralihan ini dilaksanakan secara berhati-hati”  
Al-Sultan Abdullah

## PERALIHAN KE FASA ENDEMIK

# Laku secara hati-hati

*Al-Sultan Abdullah seru rakyat ambil dos penggalak perkuat imuniti*

wan Rakyat di sini, semalam.

Al-Sultan Abdullah turut menyokong Strategi Pengujian Covid-19 Kebangsaan dan tindakan afirmatif ke-

rajaan untuk mengurangkan harga kit ujian sendiri sebagai langkah pengukuhan tindakan kesihatan awam dan pemerkasaan komuniti.

"Melalui pendekatan ini, pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial boleh direalisasikan secara selamat," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong turut menghargai Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) termasuk strategi pembangunan vak-

sin sendiri, sebagai usaha meningkatkan kesediaan negara mendepani pandemik dan ancaman wabak lain pada masa hadapan.

Selain itu, Seri Paduka juga menyambut baik Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental 2020-2025, yang dirangka bagi menangani isu kesihatan mental rakyat terutama yang terkesan akibat pandemik Covid-19 melalui pelbagai langkah intervensi dan bantuan.

"Beta menyeru kepada rakyat beta supaya terus memelihara kesihatan termasuklah kesihatan mental dan sentiasa mengamalkan budaya hidup sihat bagi menjayakan matlamat agenda nasional 'Malaysia Sihat'," titah Seri Paduka.

Al-Sultan Abdullah menyokong aspirasi kerajaan untuk merakatkan sains dan menginsankan teknologi kerana pembedayaan sains melalui inovasi sosial bakal melahirkan modal insan yang bersifat altruistik dalam menangani isu kemiskinan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

"Beta berharap kerajaan akan terus memperkukuh program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dalam bidang keutamaan termasuk kecerdasan buatan, robotik, biosains dan angkasa," titah Yang di-Pertuan Agong.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NEGARA

## 'Hari kebebasan' untuk kontak rapat

**BERMULA** hari ini, kontak rapat kes Covid-19 yang tidak bergejala, telah menerima dos penggalak dan berusia 18 tahun ke atas, tidak lagi perlu kuarantin diri di rumah seperti sebelum ini.

Mereka hanya perlu melakukan ujian pantas antigen (RTK) sendiri pada hari pertama dan ketiga dari tarikh akhir terdedah kepada kes positif. Hasil ujian perlu dilaporkan menerusi aplikasi MySejahtera.

Tidak seperti sebelum ini, kontak rapat wajib menjalani kuarantin dan turut dipakaikan gelang bagi mengelakkan mereka keluar rumah sesuka hati.

Bagaimanapun kini, mereka bukan sahaja boleh bekerja seperti biasa, malah menghadiri majlis sosial walaupun suami, isteri atau anak-anak yang dijangkiti Covid-19 sedang menjalani kuarantin di rumah, tempat tinggal sama dengan kontak rapat.

Oleh itu, jangan terkejut, takut atau panik jika rakan-rakan anda yang merupakan kontak rapat kes Covid-19 hadir ke pejabat seperti biasa dan duduk bersama anda.

Tindakan mereka tidak lagi menjadi kesalahan selepas kerajaan memansuhkan prosedur pengasingan bagi kontak rapat itu. Kecuali jika majikan menetapkan syarat sendiri dengan melarang mereka hadir ke pejabat dalam tempoh beberapa hari.

Namun, sejauh mana kesanggupan majikan berbuat demikian kerana tindakan itu akan menyebabkan syarikat mengalami kekurangan tenaga kerja.

Bayangkan andai lebih 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja menjadi kontak rapat dan dijangkiti Covid-19 tidak dapat bekerja, maka operasi syarikat akan terjejas, kecuali amalan kerja dari rumah dilaksanakan.

Kejujuran dalam mengisytiharkan status kontak rapat amat penting kerana sesiapa sahaja boleh memberi maklumat palsu dalam MySejahtera. Tindakan ini sukar dipantau pihak berkuasa.

Sebelum ini, semua pesakit Covid-19 perlu pergi ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) untuk penilaian tahap kesihatan, namun sekarang tidak lagi, mereka pun boleh mengisi butiran penilaian itu melalui MySejahtera sahaja sambil baring di atas katil.

Jika seseorang menjadi kontak rapat kes Covid-19 yang bergejala, mereka wajib dikuarantin sekurang-kurangnya lima hari. Usahlah menipu MySejahtera dengan mengisi maklumat palsu terutama mereka yang berniaga atau bekerja sendiri.

Bagi mereka yang makan gaji, jangan pula memaklumkan kononnya diri sebagai kontak rapat yang bergejala, sedangkan keadaan sebenar sebaliknya, semata-mata malas mahu pergi kerja.

Ketika ini, jangkitan Covid-19 sememangnya masih tinggi. Setiap hari, pasti ada sahaja ahli keluarga, rakan-rakan atau jiran-jiran kita yang dijangkiti.

